



Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
B-G-9 & B-G-11 Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH



Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/06/25/0648(15)
Ruj. Kami : HK/KUDR/6-40/25 (3)
Tarikh : 14 November 2025

Tuan/Puan,

**PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU (ABC6087 - SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YUK CHUEN)
- PERMOHONAN IZIN LALU BESERTA PERMIT**

Dengan hormatnya perkara di atas dan surat tuan adalah berkaitan.

2. Berhubung perkara ini, pihak Majlis telah membuat lawatan tapak awalan bersama pihak tuan pada tarikh 8 Julai 2025 bersama bagi kerja-kerja jajaran pengorekan jalan seperti di atas.

3. Untuk makluman, sebelum pihak Majlis mengeluarkan Permit Korekan pihak tuan perlu mematuhi perkara di bawah:

- a) Menjelaskan bayaran :
 - Fee Permit : RM 1,100.00
 - Wang Cagaran : RM 3,000.00
 - Bayaran Letak kereta : -
- b) Perlu mengemukakan dan melengkapkan persetujuan Borang HK 05(Mematuhi Syarat Pengorekan) yang dilampirkan. (syarat-syarat permit (Borang HK 05) perlu dibawa semasa menjelaskan bayaran)
- c) Perlu mengemukakan salinan penyata bank
- d) Mengemukakan laporan *Underground Detection And Mapping (UDM)/ Traffic Control Plan (TCP)* (Hendaklah disediakan oleh KUDR)

4. Surat ulasan ini, sah dalam tempoh 90 hari daripada tarikh surat ini. Selepas 90 hari maka ulasan ini terbatal dan pihak tuan perlu membuat permohonan yang baru.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.


Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/06/25/0648(15)
Ruj. Kami : HK/KUDR/6-40/25 (3)
Tarikh : 14
5 Jamadilawal 1447
November 2025

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MPT CEMERLANG SEPANJANG MASA”

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD YUSOFF BIN HAJI CAROSHOU, PPT.)
Pengarah Kejuruteraan,
b.p.: Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Taiping.

“PERAK SEJAHTERA 2030”

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD TINDAKAN / MAKLUMAN	
<input type="checkbox"/>	KETUA OPERASI
<input type="checkbox"/>	PENGURUS SUMBER MANUSIA
<input type="checkbox"/>	KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
<input checked="" type="checkbox"/>	PENGURUS KORIDOR NEGRI
<input type="checkbox"/>	PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN)
CATATAN 	

JUN/operas/pernit

- Surat pemakluman
- status uam/pernit
- update tracker/umput

14/11



MEMATUHI SYARAT PENGOREKAN
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
Jalan Taming Sari, 34000 Taiping
Tel : 05 8080777 Fax : 05 8067627

BORANG
HK 05

SYARAT-SYARAT PERMIT PERSETUJUAN UNTUK MELAKUKAN KERJA KOREKAN BAGI PEMASANGAN PERKHIDMATAN UTILITI DI DALAM REZAB JALAN AWAM, MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

NO. RUJUKAN FAIL HK/KUDR/6-40/25 DALAM SIRI YANG SAMA

- a) Permit korekan dikeluarkan sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak Majlis Perbandaran Taiping.
- b) Bayaran permit adalah muktamad, jika ada pertambahan/perubahan jajaran perlu memaklumkan kepada pihak Majlis.
- c) Sebelum kerja di dilaksanakan di tapak pihak tuan perlu memastikan papan tanda keselamatan jika melibatkan kerja pemotongan merintang jalan perlu ada kawalan trafik (TMP) mengikut piawaian yang ditetapkan.
- d) Semua kerja-kerja pemotongan jalan hendaklah menggunakan *clean cut 'Diamond Cutter'* sebelum mengorek jalan. Permukaan jalan yang telah dikorek hendaklah diturap semula dalam tempoh **24 jam**, menggunakan kaedah *Mill and Pave* dan dimampatkan/dipadatkan menggunakan *'Roller Tandem' 8 tan* seperti yang diarahkan.
- e) Penandaan garisan jalan (*'road marking'*) adalah menggunakan cat jenis *'Hot Thermoplastic'* dengan pematuhan kepada spesifikasi garisan penanda jalan dengan ketebalan minimum 3mm.
- f) Bahu jalan yang telah dikorek hendaklah diratakan sama aras permukaan jalan tanah yang lebih perlu dibuang dari tapak bina dan dibaikpulih dengan menanam rumput secara *'closed turfing'*.
- g) Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja korekan yang berkaitan seperti bebendul, longkang, *scupper drains*, bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau diganti semula.
- h) Jika terdapat halangan pada laluan longkang/*culvert* atau perancangan masa hadapan atau ketidakpuasan pihak Majlis, pihak tuan perlu mengubah laluan tersebut tanpa tuntutan kepada pihak Majlis.
- i) Bahan-bahan binaan yang diletakan di atas bahu jalan hendaklah dikepong dengan papan tanda keselamatan yang mencukupi dan lebihannya dikeluarkan dari bahu jalan setelah kerja siap. Tiada longgokan bahan binaan (contoh: sisa *premix*, pasir, *crusher run*) di atas jalan dan bahu jalan di kawasan jajaran pengorekan, perlu dibuang dari kawasan korekan dalam tempoh 24 jam.
- j) Jika kawasan jajaran pengorekan melibatkan tanah persendirian atau bukan kawasan Majlis pihak perlu mendapatkan persetujuan dari pihak yang berkaitan, pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sebarang tuntutan dari pihak pengadu.
- k) Pihak Majlis tidak membenarkan kerja pengorekan jalan yang baru diturap.
- l) Pihak Majlis tidak membenarkan menebang pokok atau merosakkan akar pokok-pokok tanaman pada bahu jalan, tanpa memaklumkan pada pihak Majlis.
- m) Korekan melibatkan pemotongan merentang jalan utama baru perlu kaedah *Horizontal Direct Drilling (HDD)/ Pipe Jacking*.
- n) Pemohon dikehendaki mengambil insurans bagi sebarang tuntutan awam, MPT tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan. Sepanjang Kawasan Jajaran pengorekan.
- o) Pihak tuan perlu mengemukakan :
 1. Data pelan terbina (As-Built Plan) GIS yang telah disahkan oleh Juruukur Tanah Bertauliah (JTB) dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* (2 salinan) setelah siap kerja. (Hendaklah disediakan oleh KUDR)

Perakuan

Saya dengan ini mengaku akan mematuhi syarat persetujuan dan spesifikasi kerja semua perkara di atas seperti yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh pihak Majlis. Kegagalan pihak saya tidak mematuhi semua perkara di atas akan menyebabkan pihak Majlis membatalkan permit tanpa sebarang kompromi.

Pemohon/Utiliti

Koridor Utiliti Darul Ridzuan

Nama :

Nama :

Tandatangan :

Tandatangan :

Cop Syarikat :

Cop Syarikat :